

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 12 Disember 2024



## KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

### PERANGKAAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA

OKTOBER 2024

#### Pengeluaran getah asli Malaysia meningkat 20.6 peratus pada Oktober 2024

**PUTRAJAYA, 12 Disember 2024** – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Oktober 2024**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli meningkat 20.6 peratus pada Oktober 2024 (38,400 tan metrik) berbanding pada September 2024 (31,847 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli meningkat 16.6 peratus (Oktober 2023: 32,944 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Oktober 2024 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (88.6%) berbanding sektor estet (11.4%).

Jumlah stok getah asli pada Oktober 2024 meningkat 1.9 peratus kepada 134,844 tan metrik berbanding 132,391 tan metrik pada September 2024. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 88.1 peratus diikuti kilang pengguna getah (11.8%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 48,151 tan metrik pada Oktober 2024, meningkat 20.6 peratus berbanding September 2024 (39,930 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 43.2 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Oktober 2024 diikuti Jerman (9.8%), Emiriah Arab Bersatu (9.2%), Amerika Syarikat (4.8%) dan Portugal (2.8%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.5 billion pada Oktober 2024, meningkat 21.8 peratus berbanding September 2024 (RM1.2 billion).


Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan peningkatan iaitu 9.8 peratus (Oktober 2024: 746.36 sen sekilogram; September 2024: 679.65 sen sekilogram) manakala Sekerap meningkat sebanyak 7.4 peratus (Oktober 2024: 738.01 sen sekilogram; September 2024: 687.01 sen sekilogram). Trend harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula meningkat antara 6.2 peratus dan 9.7 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) meningkat 5.4 peratus (daripada USD1.91/kg kepada USD2.01/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) menurun 0.7 peratus (daripada USD2.65/kg kepada USD2.63/kg).

Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* keluaran Oktober 2024, pasaran getah Kuala Lumpur dilaporkan bercampur-campur dalam tempoh penilaian semula dengan harga SMR 20 bergerak dalam julat harga yang rapat dan menurun sedikit menjelang akhir bulan. Sentimen pasaran juga disokong oleh kekurangan bekalan getah asli dunia berikutan ramalan cuaca buruk di negara pengeluar utama getah asli, dan jangkaan permintaan getah asli yang lebih baik dilaporkan oleh Persatuan Pengeluar Getah Asli Negara (ANRPC), dan berdasarkan laporan terkini Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

**Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Oktober 2023, September - Oktober 2024**  
(‘000 tan metrik)



**Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Oktober 2023, September - Oktober 2024**  
(‘000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**  
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
**12 DISEMBER 2024**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, December 12<sup>th</sup> 2024**



## **MEDIA STATEMENT**

**MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

### **MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA OCTOBER 2024**

---

#### ***Malaysia natural rubber production increased by 20.6 per cent in October 2024***

**PUTRAJAYA, DECEMBER 12, 2024** – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, October 2024**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production increased by 20.6 per cent in October 2024 (38,400 tonnes) as compared to September 2024 (31,847 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR increased by 16.6 per cent (October 2023: 32,944 tonnes). Production of NR in October 2024 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (88.6%) as compared to estates sector (11.4%).

Total stocks of NR in October 2024 increased by 1.9 per cent to 134,844 tonnes as compared to 132,391 tonnes in September 2024. Rubber processors factory contributed 88.1 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (11.8%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 48,151 tonnes in October 2024, increased 20.6 per cent as against September 2024 (39,930 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 43.2 per cent of total exports in October 2024 followed by Germany (9.8%), the United Arab Emirates (9.2%), the United States of America (4.8%) and Portugal (2.8%). The exports performance was contributed by NR-based product such as gloves, tyre, tube and rubber thread. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.5 billion in October 2024, an increase of 21.8 per cent as compared to September 2024 (RM1.2 billion).


Analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded an increase of 9.8 per cent (October 2024: 746.36 sen per kg; September 2024: 679.65 sen per kg) while Scrap increased by 7.4 per cent (October 2024: 738.01 sen per kg; September 2024: 687.01 sen per kg). Trend of prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) increased between 6.2 per cent and 9.7 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has increased 5.4 per cent (from USD1.91/kg to USD2.01/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) decreased 0.7 per cent (from USD2.65/kg to USD2.63/kg).

According to the Malaysia Rubber Board Digest published in October 2024, the Kuala Lumpur rubber market ruled mixed during the review period with SMR 20 prices moving within the tight range and declining slightly towards month end. Generally, the market sentiment was supported by the shortage of global NR supply due to adverse weather forecasts in major producing NR countries, brighter NR demand outlook reported by the Association of Natural Rubber Producing Countries (ANRPC), and as traders digested the latest report by the International Monetary Fund (IMF).


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on 20<sup>th</sup> October each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75<sup>th</sup> Diamond Jubilee in 2024.

**Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber October 2023, September - October 2024**  
(‘000 tonnes)



**Chart 2: Imports and exports of natural rubber October 2023, September - October 2024**  
(‘000 tonnes)



*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
12 DECEMBER 2024**